




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

3 DISEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 374 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 234,501 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu satu (1) kes di Beaufort dan satu (1) lagi kes di Pitas. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 454 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 224,242 orang. Manakala 1,408 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 615 orang di hospital, 768 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 23 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 65 orang merangkumi 62 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut* dan 25 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 39 (22.81%).*

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes baharu COVID-19 bagi Negeri Sabah hari ini ialah 374 kes, penurunan 53 kes berbanding jumlah semalam.
- b. Kota Kinabalu kekal sebagai daerah yang mencatatkan kes tertinggi dengan 61 kes dan diikuti Tuaran dengan 60 kes. Tidak banyak perubahan di daerah-daerah lain kecuali Penampang yang mencatatkan penurunan 46 kes dan Kota Kinabalu turun 17 kes berbanding jumlah semalam.
- c. Daripada 374 kes di Sabah hari ini, 97% adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2 yang hanya memerlukan rawatan dan pemantauan di rumah atau di PKRC sahaja. Sebanyak empat (4) pesakit dalam Kategori 3, seorang dalam Kategori 4 dan tiada pesakit dalam Kategori 5. Enam (6) pesakit lain masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- d. Seperti yang diumumkan oleh Menteri Kesihatan pagi tadi, varian baru Omicron sudah dikesan di negara ini. Belum banyak yang diketahui mengenai Varian COVID-19 ini yang dikatakan mampu merebak dalam kadar yang lebih cepat. Semua rakyat digesa mengambil perhatian perkembangan terbaru ini secara serius dan mengambil langkah-langkah melindungi diri daripada terdedah kepada jangkitan. Patuhi semua SOP dan nasihat KKM dan pastikan perolehi vaksin yang lengkap.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (189) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------------|---------------------|------------------|
| 1 | Kluster | 2 | 0.53% |
| 2 | Bergejala | 156 | 41.71% |
| 3 | Kontak | 189 | 50.53% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.00% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 27 | 7.21% |
| JUMLAH | | 374 | 100% |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (2 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 02/12/2021 | Catatan Kes 03/12/2021 | Perbandingan |
|---------------|---------------|---------------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | Tuaran | 47 | 60 | +13 |
| 2 | Sandakan | 7 | 19 | +12 |
| 3 | Kota Marudu | 15 | 23 | +8 |
| 4 | Tenom | 11 | 19 | +8 |
| 5 | Kota Belud | 18 | 24 | +6 |
| 6 | Tawau | 7 | 12 | +5 |
| 7 | Tongod | 0 | 3 | +3 |
| 8 | Ranau | 22 | 23 | +1 |
| 9 | Kalabakan | 0 | 1 | +1 |
| 10 | Putatan | 16 | 16 | Mendatar |
| 11 | Lahad Datu | 6 | 6 | Mendatar |
| 12 | Kinabatangan | 4 | 4 | Mendatar |
| 13 | Nabawan | 0 | 0 | Mendatar |
| 14 | Kunak | 0 | 0 | Mendatar |
| 15 | Penampang | 58 | 12 | -46 |
| 16 | Kota Kinabalu | 78 | 61 | -17 |
| 17 | Beaufort | 27 | 19 | -8 |
| 18 | Kudat | 14 | 7 | -7 |
| 19 | Tambunan | 9 | 3 | -6 |
| 20 | Sipitang | 7 | 1 | -6 |
| 21 | Kuala Penyu | 17 | 12 | -5 |
| 22 | Keningau | 17 | 13 | -4 |
| 23 | Pitas | 9 | 5 | -4 |
| 24 | Papar | 29 | 27 | -2 |
| 25 | Beluran | 5 | 3 | -2 |
| 26 | Semporna | 3 | 1 | -2 |
| 27 | Telupid | 1 | 0 | -1 |
| JUMLAH | | 427 | 374 | -53 |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 14 Hari (19 November – 02 Disember) |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|---|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Kota Kinabalu | 0 | 33 | 24 | 0 | 4 | 61 | 1,057 |
| Tuaran | 0 | 45 | 14 | 0 | 1 | 60 | 681 |
| Papar | 0 | 12 | 15 | 0 | 0 | 27 | 392 |
| Kota Belud | 0 | 15 | 7 | 0 | 2 | 24 | 485 |
| Ranau | 0 | 9 | 10 | 0 | 4 | 23 | 380 |
| Kota Marudu | 0 | 17 | 5 | 0 | 1 | 23 | 324 |
| Beaufort | 0 | 1 | 18 | 0 | 0 | 19 | 315 |
| Tenom | 0 | 9 | 10 | 0 | 0 | 19 | 227 |
| Sandakan | 2 | 6 | 7 | 0 | 4 | 19 | 121 |
| Putatan | 0 | 6 | 10 | 0 | 0 | 16 | 227 |
| Keningau | 0 | 3 | 8 | 0 | 2 | 13 | 225 |
| Penampang | 0 | 8 | 4 | 0 | 0 | 12 | 488 |
| Kuala Penyu | 0 | 9 | 1 | 0 | 2 | 12 | 183 |
| Tawau | 0 | 5 | 5 | 0 | 2 | 12 | 98 |
| Kudat | 0 | 1 | 6 | 0 | 0 | 7 | 178 |
| Lahad Datu | 0 | 2 | 2 | 0 | 2 | 6 | 81 |
| Pitas | 0 | 1 | 4 | 0 | 0 | 5 | 69 |
| Kinabatangan | 0 | 3 | 0 | 0 | 1 | 4 | 220 |
| Tambunan | 0 | 0 | 3 | 0 | 0 | 3 | 99 |
| Beluran | 0 | 2 | 0 | 0 | 1 | 3 | 84 |
| Tongod | 0 | 0 | 3 | 0 | 0 | 3 | 58 |
| Sipitang | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 135 |
| Semporna | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 10 |
| Kalabakan | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 9 |
| Telupid | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 80 |
| Kunak | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 7 |
| Nabawan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 11 |
| JUMLAH | 2 | 189 | 156 | 0 | 27 | 374 | 6,244 |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Nama Kluster | Jumlah Kes Baharu |
|---------------|-----------------------|-------------------|
| Sandakan | Kluster Sungai Batang | 2 |
| Jumlah | | 2 |

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,800 unit

- Hospital 1,339 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,971 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 29.33%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 03 DISEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|------------|
| Tempatan | 367 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 2 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 0 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 5 |
| Jumlah | 374 |

| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | |
|------------------------------------|----------|
| Filipina | 1 |
| Poland | 1 |
| Jumlah | 2 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|-----------------|------------|
| Malaysia | 357 |
| Bukan Malaysia | 17 |
| Jumlah | 374 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-------------------------------|------------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 12) | 77 |
| Belum Menerima Vaksin | 43 |
| Menerima 1 Dos | 2 |
| Lengkap 2 Dos | 252 |
| Jumlah | 374 |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------|------------|
| <1 | 3 |
| 1 to 5 | 26 |
| 6 to 11 | 48 |
| 12 to 17 | 29 |
| 18 to 25 | 57 |
| 26 to 59 | 175 |
| >60 | 36 |
| Jumlah | 374 |

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 02 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,607 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,252 orang adalah penduduk dewasa dan 355 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 02 Disember 2021 adalah seramai 2,441,096 orang. Ini meliputi 2,106,648 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.37% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,391,964 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,083,763 orang atau 75.54% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 334,448 orang atau 77.06% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 308,201 atau 71.01% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **679,594** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,069 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 47 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak (5) kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
 - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi
 - Empat (4) Orang : Lain-lain Kesalahan

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 34 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 35 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan enam (6) tangkapan dibuat iaitu lima (5) kesalahan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 dan satu (1) kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,044 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak 10 notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu tujuh (7) di Keningau dan tiga (3) di Sipitang.
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 569 premis perniagaan dan 805 individu di 18 kawasan. Tiga (3) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Ritz Gold Gallery, 1 Borneo (1 Orang), Eye Q, 1 Borneo Hypermall (1 Orang) dan Golden Scoop Sdn. Bhd., Baskin Robbins 1 Borneo (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 440 Premis Perniagaan melibatkan 217 anggota APM. Sebanyak tujuh (7) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 111 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan enam (6) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah lapan (8) hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 87 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|------------|---------------|----------------|
| 1 | Kota Kinabalu | 98.7% |
| 2 | Tawau | 98.7% |
| 3 | Tuaran | 98.7% |
| 4 | Keningau | 98.7% |
| 5 | Semporna | 98.6% |
| 6 | Kota Marudu | 98.6% |
| 7 | Beaufort | 98.6% |
| 8 | Sandakan | 98.6% |
| 9 | Kunak | 98.6% |
| 10 | Kota Belud | 98.6% |
| 11 | Kinabatangan | 98.6% |
| 12 | Lahad Datu | 98.6% |
| 13 | Ranau | 98.6% |
| 14 | Papar | 98.6% |
| 15 | Penampang | 98.5% |
| 16 | Kudat | 98.5% |
| 17 | Beluran | 98.5% |
| 18 | Tenom | 98.5% |
| 19 | Sipitang | 98.5% |

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II